



PENDAFTARAN TERBUKA MAYA BAGI PROGRAM UTM IDP, IDP JAPAN, BGS, BBA DAN PENGAJIAN SEPARUH MASA AMBILAN FEBRUARI 2021



Program Hari Terbuka Maya yang telah berlangsung pada 10 Januari 2021 lalu, telah dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi "Webex Event" dan "Landing Page" khas bagi program tersebut. Pada hari tersebut, juga telah berlangsungnya Pendaftaran Terbuka bagi program-program UTM International Degree Programme (IDP), IDP Japan, Bachelor of General Studies Features, Bachelor of Business Administration (International Business) dan Pengajian Separuh Masa bagiambilan Februari 2021. Para pemohon hanya perlu membuka link laman sesawang yang diberikan dan melengkapkan permohonan dengan maklumat yang lengkap. Menariknya, khusus pemohon yang telah berjaya dalam permohonan pada hari tersebut, mereka akan menerima rebat sebanyak RM500 berbentuk potongan yuran bagi semester pertama pengajian.

Seksyen Perhubungan Pelanggan pula telah membuat hebahan kepada data pengunjung yang mengisi maklumat mereka yang lengkap melalui "Landing Page" khas dan juga berdasarkan kepada data yang diterima daripada iklan digital.

Acara dijalankan secara langsung dari bilik studio UTMSPACE Taman Universiti. Ia juga telah mendapat liputan secara langsung di akaun Facebook rasmi UTMSPACE. Ramai pengunjung web telah menyertai ke sesi soal jawab bersama ketua-ketua dan perakilan program bagi mendapatkan penjelasan yang terperinci terhadap program yang mereka minati.



HARI BERTEMU PELANGGAN MAYA SPACE UTM 2021

Pelanggan adalah aset terpenting dalam sesebuah perniagaan. Teguhnya SPACE UTM sebagai peneraju program pembelajaran sepanjang hayat adalah disebabkan oleh keyakinan pelanggannya terhadap jenama tersebut. Sehubungan itu, pada 27 haribulan Mac 2021 yang lalu UTMSPACE telah mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan secara maya yang mengfokuskan kepada mahasiswa bagi Pusat Pengajian Separuh Masa dan Pusat Pengajian Ijazah untuk berinteraksi secara langsung bersama pegawai dan kakitangan UTMSPACE.

Objektif bagi program Hari Bertemu Pelanggan secara maya ini adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan mesra bersama para mahasiswa dengan berinteraksi secara langsung dan terbuka. Ia juga telah mengeratkan silaturrahim antara sesama dengan adanya sesi yang khusus untuk mereka sertai.


Dalam sesi tersebut, para responden telah memberikan maklum balas dan input yang berguna bagi penambahbaikan mutu perkhidmatan UTMSPACE. Maklumat-maklumat yang diterima adalah amat penting agar UTMSPACE dapat memastikan kepuasan pelanggan dicapai dan ia ditahap cemerlang.

UTMSPACE mempunyai rangkaian produk cenderahati untuk dimiliki sebagai kenangan untuk dijadikan tanda kenang-kenangan. Pada Hari Bertemu Pelanggan secara maya inilah peluang untuk mempromosikan barangan-barangan tersebut digunakan dan dijadikan platform untuk penjualannya kepada umum.

Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan secara atas talian ini telah menarik perhatian lebih 130 orang pengunjung yang hanya perlu membuka pautan Webex yang telah diberikan melalui sms dan emel yang didaftarkan sebelum itu.

Persiapan dan aktiviti promosi telah dijalankan sebulan sebelum program berlangsung. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah menyediakan platform dalam talian yang menggunakan aplikasi "Webex Event". Manakala e- backdrop khas telah direkabentuk khas bagi program tersebut oleh Seksyen Grafik. Seksyen Perhubungan Pelanggan pula telah membuat hebahan kepada pelajar Pengajian Separuh Masa dan Pusat Pengajian Ijazah melalui web pelajar.

Pengurus Besar bagi kedua-dua pusat telah dijemput untuk menyampaikan penerangan tentang produk-produk program yang SPACE tawarkan dan perkara yang berkaitan perihal syarat kemasukan program, yuran pembelajaran, tempoh pengajian dan banyak lagi.






BENGKEL JAMINAN KUALITI PROGRAM AKADEMIK UTMSPACE

UTM Johor Bahru, 4 & 5 Januari 2021. – Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko telah mengadakan Bengkel Jaminan Kualiti Program Akademik UTMSPACE di UTMSPACE Taman Universiti Johor Bahru dalam usaha untuk memperkasakan kualiti Program Akademik terutamanya Program Profesional di UTMSPACE.

Pada bengkel kali ini, ia telah disertai oleh Timbalan Pengerusi (Akademik),SPACE, Prof. Madya Ts Gs Sr Dr. Mohd Zulkifli bin Mohd Yunus, Prof. Madya Sr Dr. Sarajul Fikri bin Mohamed, Dr. Maslan bin Osman, Dr Norazlina binti Mohd Yasin, Ts Norhaslinda Harun, En. Zulkifli bin Othman, En. Rosnizam bin Maarof, Cik Azidah binti Ahmad, Pn. Faidah Ab Ghani dan En. Mohd Zaini bin Azizan.

Para peserta telah menyumbangkan idea yang dapat membantu bagi meningkatkan lagi tahap kualiti Program Akademik UTMSPACE pada masa hadapan. Semoga setiap program akademik kelolaan UTMSPACE akan sentiasa menjadi program akademik yang berkualiti dan diperakui di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.



DEPARTMENT OF QUANTITY SURVEYING

12th January 2021



Reaccreditation
Visit

AUDIT AKREDITASI PROGRAM SARJANA MUDA UKUR BAHAN, PENGAJIAN SEPARUH MASA


(PUSAT PEMBELAJARAN KUALA LUMPUR, JOHOR BAHRU, KOTA KINABALU, DAN KUCHING)

UTM Johor Bahru, 12 Januari. – Jabatan Ukur Bahan dan SPACE, Universiti Teknologi Malaysia telah menerima lawatan daripada panel penilai Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bagi mengendalikan sesi Audit Akreditasi Program Sarjana Muda Ukur Bahan Pengajian Separuh Masa untuk Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

Sesi ini dijalankan adalah dalam usaha bagi mendapatkan pengiktirafan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia untuk program Sarjana Muda Ukur Bahan Separuh Masa, Universiti Teknologi Malaysia. Pengauditan telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Webex.

Antara panel Pemeriksa Luar yang terlibat dalam sesi pengauditan pada kali ini adalah Sr Azrin bin Mohd Din, Sr Muhammad Zulazhar bin Mohd Ghazali, Sr Dr. Mohd Suhaimi Mohd Dahuri, Sr Tan Pei Ling, Sr Patmawati binti Paddong, Sr Dr Asma Alia binti Mohamad Bohari, dan Sr Ng Kim Thong.

Manakala pihak pengurusan universiti yang diketuai oleh Wakil Naib Canselor UTM, juga telah menerima laporan dan maklum balas hasil daripada penilaian yang dijalankan.



UTM Johor Bahru & Kuala Lumpur 13, Januari 2021. – Bengkel Semakan dan Pemurniaan Laporan Penilaian Kendiri Program Diploma Universiti Teknologi Malaysia telah diadakan dalam usaha untuk menyediakan dokumen bagi Audit Pematuhan Program Diploma Universiti Teknologi Malaysia.

YBrs. Prof. Madya Dr. Maisarah binti Mohamed Saad telah diundang untuk menyertai bengkel pada kali berdasarkan kepakaran beliau untuk memberi panduan kepada Pusat Pengajian Diploma bagi menyediakan Laporan Penilaian Kendiri yang benar-benar mematuhi standard MQA dan Lembaga Penilai yang berkaitan, dalam usaha Pihak SPACE untuk mengekalkan status Akreditasi Program Diploma UTM.

Ia juga turut disertai oleh Prof. Madya Ts Gs Sr Dr. Mohd Zulkifli bin Mohd Yunus, Timbalan Pengerusi (Akademik), SPACE, Ts Nik Maria binti Nik Mahamood, Pengurus Besar, Pusat Pengajian Diploma, SPACE, En. Rosnizam bin Maarof, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko UTMSPACE, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Program di Pusat Pengajian Diploma dan juga Eksekutif Kanan dan Eksekutif dari Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko, UTMSPACE.

KRONOLOGI SPACE - UTMSPACE



Sebuah anak syarikat UTM yang ditubuhkan di bawah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (28 Januari 2011)

UTMSpace
SPACE

1992

Kementerian Pelajaran memberi sokongan kepada UTM untuk menubuhkan pusat kecemerlangan pendidikan berterusan (19 Oktober 1992)

1993

SPACE ditubuhkan (Julai 1993)

2006

SPACE mengguna pakai imej korporat baharu untuk meningkatkan usaha yang berterusan dalam mencapai visi dan misi

2010

SPACE digabungkan dengan Pusat Program Kerjasama (Unit Program Kerjasama UTM) dan Pusat Program Diploma (Kolej Sains Dan Teknologi, UTM)

2011

Operasi SPACE sebagai Entiti Akademik berjalan seperti biasa.

PERBINCANGAN BERKAITAN GOVERNAN UTM DAN UTMSPACE


(PUSAT PEMBELAJARAN KUALA LUMPUR, JOHOR BAHRU, KOTA KINABALU, DAN KUCHING)

UTM Johor Bahru, 18 Januari 2021. – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak UTM perihal yang dikemukakan oleh Panel Penilai Audit Pengekalan Swaakreditasi pada tahun 2020, berkaitan kedudukan UTMSPACE dalam mengendalikan program akademik UTM.

Perbincangan ini telah diketuai oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini Bin Omar, Ketua Pegawai Eksekutif, dan MQA. dan YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail, Naib Canselor UTM.

Secara rumusan, pihak MQA telah memahami status pengendalian Program Akademik UTM yang diuruskan oleh Sekolah Pendidikan Profesional Dan Pendidikan Berterusan (SPACE), merupakan Entiti Akademik Berpusat UTM. Penjelasan yang padat telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin Abd Manan, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa), UTM kepada perwakilan MQA.

Dalam kaitan yang lain, Ketua Pegawai Eksekutif, MQA menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh YBhg. Prof. Dr. Azlan Bin Ab Rahman, UTMSPACE berkaitan pembangunan laluan Program Akademik Profesional dan menyarankan agar dokumen pengurusan program ini dikemukakan untuk diperhalusi di peringkat MQA.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN KUALITI BIL.1/2021

Johor Bahru, 22 Januari 2021. – Bagi menjamin ekosistem yang berkualiti, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko telah menganjurkan satu mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Kualiti Bil.1/2021 secara atas talian yang dihadiri seramai 17 orang ahli yang mewakili bahagian/pusat/unit masing-masing. Mesyuarat ini telah dipengerusi oleh Encik Rosnizam bin Maarof, Pengurus Besar Kualiti dan Risiko. Mengikut perancangan awal, mesyuarat ini akan dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun selepas sesi semakan Balanced Scorecard dijalankan. Pada mesyuarat tersebut, diterangkan juga peranan pengwujudan jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan kualiti di peringkat bahagian/pusat/unit. Mesyuarat juga telah memaklumkan pada tahun ini akan adanya pelaksanaan kembali program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Quality Environment (QE).



PERASMIAN PELANCARAN TAHUN PEMBUDAYAAN KUALITI UTMSPACE



UTM Johor Bahru, 26 Januari. – Pelancaran Tahun Pembudayaan Kualiti merupakan sebahagian inisiatif Pelan Strategik Pemerkasaan Kualiti UTMSPACE yang telah dibentangkan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti & Risiko kepada YBrs. Pengarah Urusan UTMSPACE pada 22 Dis. 2020 yang lalu.

Pelancaran ini telah berlangsung secara serentak dalam Majlis Amanat Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE 2021 melalui tayangan Montaj.

Pembudayaan Kualiti di UTMSPACE perlu diterapkan dalam setiap perancangan tahunan pengurusan kualiti di pelbagai peringkat, yang melibatkan Pelaksanaan Quality Environment (QE) yang dahulunya dikenali sebagai Amalan 5S, Pelaksanaan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK), Pelaksanaan aktiviti pemerkasaan dan pemantauan kualiti bagi pengekalan pensijilan ISO 9001 serta Penyertaan UTMSPACE dalam pertandingan kualiti di peringkat Universiti.

Justeru itu seluruh warga UTMSPACE diseru untuk mengadaptasikan sistem pengurusan kualiti dalam ekosistem perkhidmatan UTMSPACE yang bertemakan 'Pembudayaan Kualiti, Pemerkasaan Organisasi'.

BICARA KUALITI BIL.1 /2021



UTM Johor Bahru, 27 Januari. – Secara dasarnya, pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti, di samping memenuhi kehendak pengguna. Pengurusan kualiti juga salah satu falsafah pengurusan yang komprehensif yang menyediakan penambahbaikan berterusan kepada seluruh organisasi. Pengurusan kualiti amat penting kepada sesebuah organisasi kerana ia bertujuan membawa perubahan yang menyeluruh ke arah melahirkan budaya yang cemerlang.

Sehubungan dengan itu, satu inisiatif telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko (BPKR) dengan mengadakan siri-siri Bicara Kualiti di kalangan kakitangan UTMSPACE secara santai. Program ini diadakan secara berkala sekurang - kurangnya sebulan sekali yang melibatkan perkongsian daripada individu yang berpengalaman.

Bagi siri pertama Bicara Kualiti, Pengurus Besar BPKR, En. Rosnizam bin Maarof telah menyampaikan input yang baik dan berdiskusi mengenai tajuk 'Pembudayaan Kualiti, Pemerkasaan Organisasi secara maya. Dengan adanya program ini, ia akan memantapkan lagi pengalaman dan pelaksanaan pengurusan kualiti di UTMSPACE kepada lebih baik dan berkesan.

PEMBUDAYAAN KUALITI 2021

PEMBUDAYAAN KUALITI, PEMERKASAAN ORGANISASI

CQI

Continuous Quality Improvement

STANDARD

Always as reference and comply

RISK

Aware and manage in the cycle of PDCA

SWOT Analysis, Strategic Plan

KIK

PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

ISO, MOA, UTM, Badan Profesional dll
Kemaskini dan penyelarasan SOP
serta REKOD & DOKUMEN Audit

JTPK dan JJK

Penyelarasan dan jaminan kualiti (QA)

BSC & KPI

QE

Quality Environment or 5S

Sertai AKA
AKP
AINC

At ALL level (Organisasi, Pusat/Bahagian/Unit, Seksyen bahkan INDIVIDU)

BAHAN PEMERKASAAN KUALITI DAN RISIKO



PEMERKASAAN ORGANISASI

PEMBUDAYAAN KUALITI, PEMERKASAAN ORGANISASI

Strong brand & image
Smooth operations

Efficient, smart & happy employees

Customer Delight

More Business Coming in

Sustain and prepare for Challenges

Leading Marketing Promotion

Simplified and Sync Process

BAHAN PEMERKASAAN KUALITI DAN RISIKO

Razlan Bin Maat is live now on
UTMSpace COMMUNITY

FB LIVE - BICARA KUALITI
UTMSpace SIRI 1



17 comments

Like

Comment

Comments



le saya strong camoi?

Like Reply 1 m



Bukla buhan
KIK dilihat baik dari sudut
pembangunan staf dan dapat
menyediakan masalah secara
kreatif tetapi bagaimana untuk
mengimbangi di antara kerja
hukuk staf dan projek KIK yang
perlu dilaksanakan yang juga
mengambil masa staf itu
sendiri

Like Reply 1 m 5 days



Write a comment...



BICARA KUALITI UTMSPACE SIRI 2/2021

UTM Johor Bahru, 8 Mac 2021. – Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko telah dijemput sekali lagi untuk memberi pendedahan ilmu berkaitan pembudayaan kualiti di UTMSPACE melalui sesi Bicara Kualiti UTMSPACE siri 2/2021. Beliau telah menyampaikan perkongsian yang bertajuk “Amalan Kualiti Dalam Urusan Kerja” secara dalam talian melalui aplikasi FB Live UTMSPACE Community. Program ini akan terus dilaksanakan secara berkala dalam usaha memperkasakan pembudayaan kualiti di UTMSPACE.



Selamat Datang RAMADAN

Sesi Beraja
Dr. Mohammad Naqib
Pensyarah Kanan
Akademi Tamadun Islam

31 Mac
10.00 pagi

Secara Online
Live FB UTMSPACE



https://www.facebook.com/utmSPACE



SELAMAT DATANG RAMADAN 2021

Johor Bahru, 31hb Mac 2021- Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKEB) UTMSPACE Johor Bahru telah mengadakan Program Ceramah yang bertajuk Selamat Datang Ramadan 2021 yang dipancarkan terus menerus dari Bilik Mesyuarat Eksekutif UTMSPACE yang berpejabat di Taman Universiti.

Dr. Mohammad Naqib bin Hamdan, Pensyarah Kanan daripada Akademi Tamadun Islam FSSH, UTM, telah menyampaikan ceramahnya secara dalam talian melalui aplikasi Facebook Live UTMSPACE Official. Pengisian ceramah yang begitu padat selama satu jami ini, telah menarik ramai penonton dari kalangan kaki tangan UTMSPACE untuk mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dalam sesi soalan jawab dipenghujung acara.

Terdahulu majlis telah diserikan dengan ucapan aluan oleh En. Anas bin Arshad Pengerusi KESUKEB Johor Bahru.



BANTUAN PELAN DATA KEPADA PELAJAR

BANTUAN PELAN DATA
KEPADA PELAJAR SPACE, UTM
SEPENUH MASA & SEPARUH MASA (B40)

DATA TANPA HAD : Teams, Zoom, Meet, Webex, Google Classroom & Blackboard
Kuota Data 10 GB : YouTube, Facebook, WhatsApp, Telegram dan Viber

Sebarang pertanyaan, sila hubungi: Pn Suhaili di talian 013 274 2012 atau email ke hpspace@utmpace.edu.my

celcom EL30 PERCUMA

SCAN QR CODE untuk memohon

Tarikh Tutup Permohonan: **15 FEBRUARI 2021**
Permohonan Diterima: **7 Mac 2021**

space.utm.my

Bagi meringankan bebanan pelajar, pihak UTMSPACE telah bersetuju untuk memberi bantuan pelan data internet kepada pelajar-pelajar sepenuh dan separuh masa yang layak mendapat bantuan tersebut di bawah kendalian SPACE Universiti Teknologi Malaysia

Pelan pasca bayar Celcom e-Learning 30 yang diterima oleh pelajar didatangkan dengan 3G dan 4G/LTE bagi kelajuan internet. Pelajar akan mendapat akses tanpa had ke laman web perpustakaan UTM, portal my.utm.my serta 6 aplikasi terpilih dan antaranya adalah Microsoft Teams, Zoom Meeting, Skype, Google Meet, CISCO Webex dan Blackboard.

Selain itu, para pelajar juga akan menikmati 10GB kuota data bulanan yang boleh digunakan untuk melayari media sosial seperti YouTube, Facebook, WhatsApp, Telegram dan WeChat. Pelan ini dijangkakan dapat memberi manfaat kepada lebih kurang 300 orang pelajar SPACE yang layak bermula dari bulan Januari hingga Mac 2021.

HARI KOKURIKULUM : STUDENTS' FINANCIAL SURVIVAL SCHEME

STUDENTS' FINANCIAL SURVIVAL SCHEME
(Student gets student scheme)

Via Webex <https://bit.ly/38WJs6R>

Date: 20 Jan 2021 (Wednesday)
Time: 3.00PM – 4.00PM


space.utm.my

#STAYATHOME
#DUDUKRUMAH

Bersempena dengan Hari Kokurikulum UTM, Unit Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar, UTMSPACE telah mengadakan sebuah program perkongsian ilmu berkaitan dengan Student's Financial Survival Scheme. Program ini telah diadakan pada 20 Jan 2021 secara dalam talian yang melibatkan pelajar sepenuh masa dan separuh masa di bawah pengurusan SPACE.

Program ini diadakan bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar SPACE berkaitan dengan Skim Student Gets Student di mana melalui skim ini, pelajar yang berjaya memperkenalkan bakal pelajar, yang layak didaftarkan sebagai mahasiswa baharu akan diberikan saguhati.

Para pegawai daripada bahagian yang berkaitan turut memberi penerangan terperinci tentang kelayakan serta syarat-syarat skim yang wajib di patuhi. Bagi pelajar yang berminat mereka akan dibekalkan dengan kit yang mengandungi segala maklumat program yang ditawarkan oleh pihak SPACE.



MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA (SEPARUH MASA) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

28 Februari 2021. - Sekolah Pendidikan Professional dan Pendidikan Berterusan (SPACE) telah menerima seramai 300 pelajar baharu bagi program pengajian Sarjana Muda Separuh Masa UTM, untuk kemasukan semester II sesi 2020/2021. Mereka telah di raikan melalui satu Majlis Aluan Pelajar (MAP) yang telah di adakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Webex dan Blackboard pada 28 Februari 2021.

Majlis telah diserikan dengan ucapan dan kata-kata aluan daripada Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE. Petikan daripada ucapan aluan beliau Kkepada pelajar adalah, terdapatnya 3 prinsip yang perlu dipegang dalam mengharungi pembelajaran dalam suasana norma baharu ini, iaitu mindset pelajar untuk berjaya. Keduanya adalah tiadanya jalan pintas untuk berjaya (no short cut to success), bekerja keras dan bekerja secara bijak (work hard and work smart). Dan yang keempat adalah setiap insan perlu punyai integrity bila-bila msa dan dimana jua (*integrity, anywhere and anytime*).

Manakala ucapan aluan daripada Pengerusi SPACE, Prof. Nazri bin Ali menyusul sesudah itu dan majlis diteruskan dengan taklimat peraturan akademik daripada Pengurus Besar Pusat Pengajian Separuh Masa, taklimat MUET, taklimat kewangan dan pengeluaran KWSP, serta taklimat PTPTN dan perlindungan insurans pelajar.

Majlis ini diserikan lagi dengan tayangan montaj UTM dan UTMSPACE, slide aktiviti pendaftaran dan juga majlis aluan pelajar baharu tersebut. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Sarjana Muda UTM (Separuh Masa) bagi Sesi 2020/2021.

WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI



Sebuah program Wacana Ilmu Bersama Alumni telah dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal dan Alumni pada 3 Mac 2021 bersempena dengan Hari Kokurikulum UTM Kuala Lumpur. Encik Azarin bin Razali, Chief Executive Officer ZNA Holdings Sdn Bhd yang merupakan alumni UTMSPACE bagi program Ijazah Sarjana Muda (separuh) masa UTM telah dijemput untuk menyampaikan input yang padu kepada para pelajar yang hadir ke program tersebut.

Encik Azarin merupakan alumni UTM di mana beliau adalah merupakan graduan bagi program diploma perancangan bandar dan wilayah, UTM pada tahun 1994. Sesudah tamat pengajian di peringkat tersebut, beliau memulakan kerjayanya di dalam bidang sama. Atas dasar minat dan ingin tahu lebih mendalam tentang bidang perancangan bandar dan wilayah, selang beberapa tahun, beliau telah mendaftarkan diri di UTMSPACE untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang yang sama secara separuh masa dan telah bergraduan pada tahun 2005.

Program Wacana Ilmu Bersama Alumni merupakan sebuah program perkongsian pengalaman oleh para alumni di dalam dunia pekerjaan dan juga bagaimana situasi menjadi pelajar separuh masa UTM. Ia adalah program yang berkisahkan realiti sebenar dalam kerjaya dan pada masa yang sama menjadi pelajar.

Tambah beliau lagi di dalam dunia pekerjaan, kemahiran berkomunikasi terutama sekali dalam Bahasa Inggeris serta kemahiran berfikir dalam menyelesaikan sesuatu cabaraan amat dituntut, di samping memiliki keputusan akademik yang cemerlang.

Selain itu juga, Encik Azarin telah memberi nasihat agar para pelajar tidak bersendirian atau hanya berkawan dengan kelompok rakan kelas sahaja, malah seseorang perlu bergaul dengan pelajar yang lebih senior untuk mendapatkan ilmu dari pengalaman yang mereka lalui. Ini adalah penting bagi membentuk satu rangkaian hubungan yang akan memberikan manfaat kepada para pelajar apabila memasuki mereka telah tamat pengajian dan memasuki ke alam pekerjaan kelak.


Ia merupakan sesi perkongsian ilmu yang bernas dan padat disertakan dengan sesi soalan jawab dipenghujung program.

MINGGU MESRA MAHASISWA PROGRAM SARJANA MUDA (SEPENUH MASA), UTM

Seramai 30 orang pelajar baharu program UTM-IDP di bawah pengurusan UTMSPACE semester II Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menjalani pendaftaran dan Minggu Mesra Mahasiswa (3M) bermula 9 -10 Mac 2021. Selaras dengan arahan Kementerian Pengajian tinggi yang melarang untuk mengadakan sesi pendaftaran secara fizikal, segala aktiviti pendaftaran dan taklimat di lakukan secara dalam talian. Sesi pendaftaran dan 3M ini telah di adakan menggunakan aplikasi Webex dan Blackboard di mana pelajar akan mengikuti beberapa program dan siri taklimat yang berkaitan.

Antara pengisian program 3M pada hari pertama adalah ucapan aluan daripada Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, ucapan daripada Timbalan Pengerusi (Akademik) yang mewakili Pengerusi SPACE, tayangan montaj, taklimat Bahagian Kewangan UTMSPACE, taklimat pembelajaran dalam talian, taklimat PTPTN dan insurans serta taklimat program dan disudahi dengan bacaan ikrar dari perwakilan pelajar.

Pada hari kedua, para pelajar telah mengikuti sesi Profil Personaliti Pelajar yang dikendalikan oleh Pusat Kaunseling, UTM. Selain itu juga, mereka telah mengikuti beberapa siri taklimat yang disampaikan oleh perwakilan daripada beberapa pusat tanggung jawab universiti seperti Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan Universiti, Perpustakaan Universiti dan juga UTM Digital. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Ijazah Sepenuh Masa UTM bagi semester II Sesi 2020/2021.





MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA UTMSPACE DAN ASEA QUANTITY SURVEYORS ASSOCIATION (AQSA)

Kuala Lumpur, 20 Mac 2021 - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara UTMSPACE & Asean Quantity Surveyors Association (AQSA) telah berlangsung pada 20 Mac 2021 di UTMSPACE Kuala Lumpur. Tetamu kehormat yang telah hadir pada majlis ini adalah Y.Bhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan.

Dokumen MoU telah ditandatangani oleh Y.Brs. Profesor Dr. Azlan Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dan Yang Berbahagia Dato' Sr Aziz Abdullah, Pengerusi AQSA. Antara yang turut hadir bagi menyaksikan acara ini adalah Prof. Madya Sr Dr. Zakaria Mohd Yusof, Pengarah Pembelajaran Sepanjang Hayat, UTMSPACE dan Prof. Sr. Dr. Abd Ghani Khalid, Setiausaha Agung AQSA, serta barisan Pengurusan UTMSPACE dan AQSA.



PROFESSOR INAUGURAL LECTURE **DIGITAL CONSTRUCTION INFORMATION 4.0 -** CHALLENGES AND WAY FORWARD

Speaker:

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
UTM Adjunct Professor
Secretary General, MAMPU

20 March 2021

11.00 am - 12.00 pm

FACEBOOK UTMSPACE

UTMSPACE

ADJUNCT PROFESSOR INAUGURAL LECTURE ON DIGITAL CONSTRUCTION INFORMATION 4.0 - CHALLENGES AND WAY FORWARD BY

**Y.BHG. DATUK DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN
KERJA RAYA**

Adjunct Professor Inaugural Lecture on Digital Construction Information 4.0 - Challenges and Way Forward telah berlangsung pada 20 Mac 2021 di UTMSPACE Kuala Lumpur. Y.Bhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia telah menyampaikan ceramah kuliah beliau pada hari tersebut. Acara telah dihadiri oleh Pengurusan UTMSPACE, ACPM, Rakan Kerjasama UTMSPACE serta para pelajar Professional Master in Construction Project Management. Acara telah disiarkan secara langsung melalui medium sosial Facebook UTMSPACE.





PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL ANTARA UTMSPACE & UTM INTERNATIONAL

Sebuah perlawanan persahabatan futsal antara UTMSPACE dan UTM International (UTMi) telah diadakan di Daiman Sports Centre di Sri Skudai pada 25 Mac 2021. Perlawanan ini diadakan adalah bagi tujuan merapatkan ukhwah antara dua entity UTM. Selain daripada itu pihak pasukan futsal KESUKEB Johor Bahru ingin mendapatkan lebih banyak pendedahan bermain bersama pasukan luar. Perlawanan telah berlangsung dengan pematuhan SOP yang ketat oleh kedua-dua ahli pasukan. Keputusan dari perlawanan tersebut adalah seri.



Pasukan dari UTMSPACE & UTMi sekitar perlawanan persahabatan





BADMINTON UTMSPACE 28 MAC 2021

Bagi menyemarakkan lagi usaha dalam membudayakan gaya hidup sihat di kalangan staf UTMSPACE, KESUKEB JB telah menganjurkan program Badminton UTMSPACE pada 28 Mac 2021 bertempat di Daiman Sports Center Sri Skudai.

Pengarah Urusan dan Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman telah sama-sama hadir bagi menyokong program yang dianjurkan dan beliau turut beraksi dalam permainan badminton bersama-sama dengan 18 orang staf UTMSPACE yang lain. Ia merupakan program yang bermanfaat dan pastinya program tersebut akan dianjurkan lebih kerap pada masa akan datang.





SENAMROBIK UTMSPACE 14 MAC 2021

Pada 14 Mac 2021, Program Senamrobik UTMSPACE telah dianjurkan semula oleh pihak KESUKEB setelah sekian lama program ini ditangguhkan sejak bulan Julai 2020. Sesi senamrobik yang pertama bagi tahun 2021 ini, telah berlangsung di Aras LL1, Blok T05, UTMSPACE. Untuk makluman semua program ini adalah antara salah satu program yang tersenarai dalam perancangan pelaksanaan aktiviti oleh pihak KESUKEB JB sepanjang tahun 2021 hingga 2022

Puan Wanti binti Johan@Djoni daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM telah menjadi instruktur senam bagi sesi senamrobik tersebut. Program ini telah bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir sejam kemudian. Sebahagian besar staf UTMSPACE Johor Bahru telah mengambil bahagian dalam program pada kali ini. Program senamrobik ini diadakan adalah bertujuan untuk melibatkan semua kakitangan staf UTMSPACE dalam program-program kesihatan yang dianjurkan oleh KESUKEB selain ia mampu memberi impak yang baik bagi kecergasan dan kesihatan khususnya terhadap kakitangan UTMSPACE.

